

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM [ KOTA MELAKA ]**

**TARIKH : 17 NOVEMBER 2015**

**RUJUKAN : 8259**

**SOALAN:**

**Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan tentang tindakan diambil terhadap peserta-peserta "Himpunan Baju Merah" yang membangkitkan isu "Hapuskan SJKC" :-**

(a) setakat ini, adakah pihak polis sudah kenal pasti orang-orang yang terlibat; dan

(b) adakah Kementerian sedar bahawa tindakan perlu diambil dengan kadar segera untuk mengelakkan isu yang paling sensitif ini berulang.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Bagi menjawab soalan (a), berhubung dengan Himpunan Baju Merah yang dikatakan telah membangkitkan isu "Hapuskan SJKC", setakat ini pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah membuka kertas siasatan berkenaan isu tersebut tetapi siasatan masih berjalan dan sedang dilengkapkan sebelum ianya dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara untuk arahan selanjutnya.**

**Bagi menjawab soalan (b) pula, Kementerian sememangnya memandang serius terhadap sebarang isu sensitif yang dibangkitkan oleh mana-mana kumpulan atau individu yang boleh menggugat keselamatan dan ketenteraman awam. Dalam hal ini, Kerajaan juga telah dan akan mengambil tindakan tegas dan segera di bawah undang-undang sedia ada berkaitan dengan isu-isu sebegini agar ianya tidak berulang.**